

MEDIA	TAJUK	TARIKH	HARI	MUKA SURAT	SEKSYEN
Kosmo	Semangat yang wajar dicontohi komposer muda	4.2.2022	Jumaat	21	Kosmo2



OMAR

## Semangat yang wajar dicontohi komposer muda

"SAYA kenal beliau (Mohamad Din) dah lama dan memang dia seorang yang kuat semangat.

"Usaha dia berterusan dan dia juga layak untuk dijadikan contoh oleh komposer-komposer muda yang baru berjinak-jinak dengan dunia seni."

Itu kata seorang penggiat seni tempatan, Omar Md. Hashim, 67, atau lebih dikenali sebagai Omara.

Omar yang pernah menerima anugerah Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (Wakoh) bagi kategori boria pada 2018 oleh Jabatan Warisan Negara di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya berkata, beliau juga pernah merakamkan beberapa lagu menggunakan khidmat Mohamad Din sebelum ini.

"Antara lagu berirama boria yang kami hasilkan bersama dan masih mendapat sambutan hingga ke hari ini ialah lagu tema untuk sambutan Pesta Pulau Pinang.

"Lagu *Jom Pi Pesta* itu hasil gubahan komposer Mat Din (Mohamad Din) dan saya selaku penulis lirik. Penyanyinya pula dikenali sebagai Amin," ujarnya yang turut menerima anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat oleh George Town World Heritage Incorporated baru-baru ini.

Omar turut menasihati komposer-komposer muda supaya berguru seperti Mohamad Din dan tidak mengambil jalan pintas untuk berjaya.

"Bukan apa, saya takut mereka yang 'naik' cepat itu nanti akan jadi seperti produk 'mi segera'.

"Sedap dimakan tapi cepat habislah. Ilmu tak bertahan lama," katanya.

Tambah Omar, seni penggubahan lagu juga perlukan penumpuan khas dan ia tidak boleh dilakukan seperti 'melepaskan batok di tangga' sahaja bagi memastikan kualiti sesuatu lagu itu terjamin.